

Kertas Bil. 60/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT
PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI SELANGOR
YANG KETIGA BELAS
PADA 30 MAC – 3 APRIL DAN
6 – 9 APRIL 2015**

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PENGURUSAN
SUMBER AIR MENTAH SELANGOR (SELECT COMMITTEE ON RAW
WATER RESOURCE MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR-
JPK-SAM) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
GANGGUAN BEKALAN AIR TIDAK BERJADUAL DI WILAYAH
PETALING, HULU LANGAT, KUALA LANGAT DAN SEPANG
DISEBABKAN PENCEMARAN DI SUNGAI SEMENYIH
KERTAS BILANGAN 13/2015**

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM)
YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS
PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
3	Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Mentah (JPK-SAM), Dewan Negeri Selangor berhubung "Gangguan Bekalan Air Tidak Berjadual Di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat Dan Sepang Disebabkan Pencemaran Di Sungai Semenyih")	9.1. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menggesa JAS mendakwa Genesis Aluminium Industries Sdn. Bhd. di Mahkamah. Kerajaan Negeri Selangor harus tegas terhadap mereka yang mencemarkan sumber air Selangor.	✓		mengeluarkan surat edaran bertarikh 17 Februari 2015 kepada semua kementerian yang menyasarkan supaya semua Kementerian serta agensi-agensi di bawahnya untuk memberi sepenuh perhatian terhadap pemantauan dan penyelenggaraan LRK termasuk tangki septik di setiap premis yang terletak di dalam kawasan Lembangan Sungai Langat. Tindakan-tindakan yang telah diambil berkenaan dengan pencemaran Sg. Semenyih oleh Syarikat Genesis Aluminium Industries Sdn. Bhd. Adalah seperti berikut; i. Tindakan oleh pihak MPKj berdasarkan pelan bangunan yang mana premis terbabit disyaaki telah melakukan pelepasan tidak mengikut kelulusan;

Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDULLAH TALIB

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
Permodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani
Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

**MAKLUM BALAS JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM)
YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGAGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS
PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
					ii. Tindakan pembuktian dan pendakwaan oleh JAS ke atas premis tersebut berdasarkan keputusan analisa yang dijalankan di takat pelepasan premis, iii. Arahan penutupan dan sitaan terhadap premis terbabit oleh LUAS, dan Pemantauan 24 jam di kawasan terlibat yang diketuai oleh LUAS bersama ABASS dan JAS.
	9.2. Jawatankuasa mencadangkan supaya projek-projek stesen tolok pengukur (gauges) LUAS seperti Integrated Water Resources Information Management System (IWRIMS) dipercepatkan supaya pencemaran dapat dikesan lebih awal dan langkah-langkah mitigasi boleh diambil dengan lebih cepat.	✓			LUAS sedang menyediakan dokumen Sebutharga untuk melantik perunding bagi Kajian Strategi Pemantauan Kuantiti dan Kualiti Air di Lembangan Sungai Selangor dan Sungai Langat yang akan mengkaji penubuhan stesen pengukuran kualiti secara atas talian. LUAS telah memperuntukan dalam Bajet Pembangunan 2013 sebanyak RM450,000 bagi


Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
 Ahli Majlis Mesyuarati Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
 Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
 Permodalan Pertanian Dan Industri Asas Tani
 Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM)
YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS
PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
					pelantikan perunding. Manakala peruntukan sebanyak RM3 Juta dipohon daripada kerajaan negeri untuk pembinaan stesen-stesen tersebut. Pada masa ini telah ada stesen menyukat paras air sungai di Negeri Selangor seperti di Sungai Langat dan Sungai Selangor.
		9.3. Jawatankuasa mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab supaya Loji Rawatan Air dilengkapi kolam-kolam yang mempunyai kapasiti simpanan air yang lebih besar sebagai langkah-langkah kecemasan untuk mencairkan bahan pencemar apabila bahan pencemar tersebut dikesan daripada stesen tolok pengukur. Ini adalah kerana air empangan tidak dapat membantu kerana	✓		Daripada 34 buah LRA di Negeri Selangor hanya LRA Sg Labu dilengkapi kolam yang boleh mengangani pencemaran. Manakala LRA Sg Semenyih yang mempunyai Kolam A, B dan C pula sebagai sumber air tambahan sebanyak 20 JLH berbanding keperluan sumber air iaitu 680 JLH. Bagi LRA-LRA Sungai Selangor terdapat kolam takungan hiliran


Y.B. TUAN HAJI SAAD BIN ABDUL TALIB
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
 Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
 Permodalan Pertanian Dan Industri Asas Tani
 Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul-Ehsan

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM)
YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS
PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		ianya terlalu jauh, misalnya Empangan Semenyih adalah 14 km jarak jauh yang mengambil masa selama 8 jam untuk tiba dari titik pelepasan hingga ke pusat rawatan air. Ini harus digunakan kepada kesemua loji-loji rawatan air di Lembaga Sungai Langat yang mengalami senario yang sama.			iaitu HORAS 600 dan HORAS 3000 untuk menangani masalah pencemaran. Sementara LRA Cheras Batu 11 dan Bukit Tampoi serta lain-lain LRA tidak dapat dilengkapi dengan kolam-kolam simpanan air mentah kerana kekangan kawasan. Antara langkah-langkah lain yang sedang dan akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pencemaran di Sg. Langat dan Sg. Semenyih adalah; i. Pemindahan air dari terowong Langat 2 ke Sungai Langat yang bertujuan untuk memberdaya ketahanan Sungai Langat untuk Loji Rawatan Air Sungai Langat, Bukit Tampoi dan Cheras Batu 11,


Y.B. TUAN HAJI ZAIDY BIN ABDUL TALIB
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
 Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
 Permodalan Pertanian Dan Industri Asas Tani
 Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM)
YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS
PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
					ii. Pembangunan sumber air tambahan sebanyak 100 hingga 200 JLH di Sungai Semenyih dan Sungai Langat melalui sistem ORS. Membina sistem rawatan awalan untuk mengatasai masalah ammonia bagi LRA Cheras Batu 11 dan Bukit Tampoi.
		9.4. Jawatankuasa mencadangkan supaya undang-undang yang lebih ketat dan keras dikenakan terhadap mereka yang melepaskan kumbahan dan bahan pencemar ke dalam sungai tidak kira dengan sengaja atau tidak sengaja.	✓		Undang-undang yang sedia wujud seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Enakmen LUAS 1999 yang dikuatkuasakan oleh LUAS telah menggariskan pelbagai arahan dan panduan mengikut seksyen masing-masing bagi memastikan pencemaran sumber air diawal dengan ketat. Pelaksanaan dan pemerkasaan undang-undang


YB TUAN HAJI ZAIDI BIN ABDUL TALIB
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
 Pengerus, Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
 Permodalan Pertanian Dan Industri Asas Tani
 Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR MENTAH NEGERI SELANGOR (JPK-SAM)
YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KETIGA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS
PADA 30 MAC-3 APRIL DAN 6-10 APRIL 2015**

Bil	Tajuk Penyata	Saranan	Jawapan MMKN		Ulasan MMKN (jika ada)/ Tindakan yang telah dilaksanakan
			Setuju	Tidak Setuju	
		9.5. Jawatankuasa mencadangkan supaya unit pengesanan pesalah-pesalah dan penguatkuasaan terhadap mereka dilakukan dengan lebih efektif.	✓		tersebut perlu dipertingkatkan. LUAS telah menyediakan inventori peta potensi pencemaran di lembangan sungai sebagai langkah pengesanan awal kepada pencemaran. Pemantauan berkala dan tidak berkala dilakukan oleh agensi berkaitan seperti LUAS, JAS dan pihak berkuasa tempatan.
4	Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Mentah (JPK-SAM), Dewan Negeri Selangor berhubung "Pengurusan Air Selangor dan Pembekalan Sumber Air Mentah Sungai Selangor"	10.1. Kerajaan Negeri hendaklah menjalankan kempen besar-besaran dan efektif untuk menggalakkan penjimatan air (<i>demand management</i>) memandangkan pada tiga tahun ini pembekalan air di Selangor adalah sangat ketat dengan margin rezab air yang rendah.	✓		Pelaksanaan kempen jimat air sedang diselaraskan semula melibatkan semua agensi kerajaan. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi mendapatkan maklumbalas dari agensi termasuk Air Selangor berkenaan keadaan kempen yang lebih berkesan. Pelancaran kempen akan diadakan pada bulan November yang akan datang.


Y.B. TUAN HAJI AIDI BIN ABDUL TALIB
 Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (EXCO)
 Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam,
 Permodalan Pertanian Dan Industri Asas Tani
 Tingkat 15, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
 40503 Shah Alam, Selangor Darul-Ehsan